

Negara Islam

Asas dan Dasarnya (2)

Sebagaimana yang diketahui dasar amanah ialah salah satu dasar yang utama bagi sebuah negara Islam. Lapangan yang dimasuki oleh dasar amanah itu sangatlah luasnya, iaitu meliputi seluruh kepentingan hidup manusia. Sebagai dasar negara maka mestilah segala gerak tindak, sikap perbuatan serta haluan politik kenegaraan ditegakkan di atas dasar amanah yang tersebut. Sifat kejujuran dan keikhlasan yang bertanggungjawab, mestilah menanggung keselamatan negara keluar dan ke dalam, baik dari pihak orang-orang besar negara terhadap rakyat, mahupun dari pihak rakyat terhadap orang-orang besar itu.

(Pati buah kalam Al-Ustādh Zainal Abidin Ahmad)

Menurut keterangan Ibn Taymiyyah di dalam bukunya “*al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*”, bahawa pemimpin dan orang besar negara sebagai pemegang amanah bagi pihak rakyat, belum lepas tanggungjawabnya dengan semata-mata kebajikannya dan kebijaksanaannya menjalankan pemerintahan. Ada lagi kewajipan yang termasuk tanggungjawab mereka juga, iaitu memilih pegawai-pegawai negeri yang baik yang dapat memuaskan hati rakyat. Di dalam hal ini Ibn Taymiyyah mengemukakan satu hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī, maksudnya: “Apabila suatu pekerjaan (pemerintahan) diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kejatuhannya”, yakni kerosakan negara atau kehilangan kemerdekaannya.

Siapakah yang bertanggungjawab atas perbuatan pegawai yang bukan ahli itu? Dengan tegas Ibn Taymiyyah mengatakan, ialah orang-orang besar negara yang pandai memilih pegawai yang cekap. Tanggungjawab itu termasuk

di dalam lingkungan amanah orang-orang besar negara terhadap rakyat, yang mesti dipelihara dengan hati-hati.

Al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani, dengan panjang lebar menghuraikan soal amanah pemimpin-pemimpin dan orang-orang besar negara terhadap rakyat itu di dalam bukunya “*al-Raddu ‘ala al-Dahriyyīn*”. Ia menyebutkan satu persatu akan alat-alat dan badan-badan pemerintahan yang memegang amanah itu, sebagai berikut:

1. Tentera, yang mengawal dan mempertahankan tiap-tiap jengkal tanah sempadan kawasan negara. Orang-orang besar tentera dan pegawai-pegawainya hingga kepada askar-askar biasa adalah menanggung amanah dan bertanggungjawab atas kedaulatan negara jangan sampai terancam, baik oleh serangan musuh dari luar mahupun oleh kekacauan di dalam negeri.
2. Polis, yang menjamin keamanan dan keselamatan penduduk negara dari pencerobohan langgaran undang-undang

yang dilakukan oleh siapa juga.

3. Hakim-hakim yang memegang urusan kehakiman dan pengadilan, menjalankan undang-undang segala peraturan negara bagi menyelesaikan segala perkara yang terjadi dan memberi keadilan kepada orang yang teraniaya, serta menjatuhkan hukum terhadap orang-orang yang salah.

4. Pemegang urusan kewangan dan kemakmuran, yang memungut cukai dari rakyat dan mengumpul serta menguruskan perbendaharaan dan kekayaan negara.

5. Kementerian-kementerian lainnya, yang membelanjakan wang negara untuk segala kepentingan, seperti pelajaran dan kebudayaan, kerja raya dan pembangunan, kesihatan dan pergaulan masyarakat.

Pendeknya, kata Al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani, semuanya ialah jabatan pemerintah, yang memegang amanah dari rakyat. Jika ketua-ketua jabatan-jabatan itu merosakkan sifat-sifat amanah, tidak jujur dan ikhlas bertanggungjawab di dalam jabatannya, padahal mereka menjadi sendi-sendi negara, maka rosak dan binasalah pemerintahan, hilanglah keamanan dan terjauhlah perasaan tenteram dari hati rakyat.

Demikianlah gambaran yang tegas bagi dasar amanah dalam negara dari ketua-ketua pemerintahan terhadap rakyat ramai. Dengan memegang teguh akan dasar amanah, maka bermakna tiap-tiap pengkhianatan, penipuan dan segala sifat kerendahan budi yang tidak bertanggungjawab hendaklah dimusuhi. Negara yang berdasarkan amanah tidak membolehkan perberatan makan suap dan sebagainya, kerana semuanya itu bertentangan dengan dasar amanah.

Amanah itu sesungguhnya mengisi segala perkara

yang mustahak kepada negara:

a. Di dalam lapangan pergaulan masyarakat dia menjadi dasar bagi pembentukan suatu masyarakat yang adil dan makmur.

b. Di dalam lapangan iktisad, dia membentuk suatu kemakmuran bersama-sama yang jujur dan teratur.

t. Di dalam lapangan politik, dia menjamin perhubungan yang baik antara sebuah negara dengan negara lain, baik berupa perjanjian mahupun berupa perhubungan diplomatik, baik dalam masa aman mahupun dalam masa perang.

Dalam segala hal itu, amanahlah yang menjadi jiwa dan kuncinya. Memang tidak ada suatu sifat yang sangat dijunjung oleh Islam sebagaimana halnya amanah ini, demikian juga tidak ada suatu sifat yang sangat-sangat dimurkai dan dibenci oleh Tuhan seperti halnya sifat-sifat khianat dan curang.

Dalam masa negara Islam telah terbentuk di tangan yang suci Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, maka langkah pertama yang dijalankan oleh baginda ialah membuat perjanjian damai dengan segala golongan bangsa Yahudi yang berdiam di dalam dan di sekeliling bandar Madinah. Alangkah bahagianya keadaan negara dan rakyat, selama kedua pihak yang berjanji memegang teguh akan amanah perjanjian yang ditandatangani bersama-sama, tetapi alangkah pula cepatnya seperti kilat, pedang Islam menghukum tiap-tiap golongan yang mengkhianati perjanjian itu?